

PEMBELAJARAN ARAH DIRI DALAM PEMBELAJARAN DEWASA DAN  
PERANAN MOTIVASI KEAGAMAAN

ZULKIFLI BIN HAMISAN @ KHAIR

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Doktor Falsafah (Pengurusan)

Fakulti Pengurusan  
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2014

# بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Untuk emak, ayah dan isteri juga umat sejagat, demi agama yang dicintai  
juga demi pembebasan al-Quds

جزاكم الله خيرا كثيرا

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi pujian kepada Allah, Tuhan semesta alam, Tuhan yang mengizinkan kefahaman dan kebijaksanaan sekali gus mengilhamkan kreativiti dan melestarikan motivasi yang selari dengan kehendak-Nya. Selawat dan salam ke atas nabi terakhir, Nabi Muhammad, keluarga baginda, para Sahabat dan mereka yang berjuang di jalan Allah hingga ke hari kiamat.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat dua penyelia ijazah Ph.D. saya, Dr. Mohd Azhar Abd Hamid dan P.M. Dr. Rosman Md. Yusoff di samping P.M. Dr. Hj. Anuar Abd. Rahman dan Dr. Mahani Mokhtar yang banyak membantu saya dalam membina dan mengukuhkan asas proposal kajian beserta segala tunjuk ajar, bimbingan dan inspirasi yang diberikan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga buat mereka yang banyak memberikan inspirasi kepada saya untuk komited dengan pengajian Ph.D. yang penuh mencabar ini, khusus buat isteri, Ida Idayu Muhamad serta bonda Ratnah Wati Ahmad Sonhadji dan ayahanda Khair Hj Abd Salam di samping anak-anak mutiara hati; Khairunnisa', Nabilah, Muhammad Zaid, Luqmanulhakim dan Abdullah Anas. Tidak ketinggalan buat Prof. Dr. Abdul Hafidz Hj. Omar dan Dr. Dayang Hjh. Tiawa Awang Hj. Hamid di atas bimbingan metodologi dan kemahiran menggunakan aplikasi NVivo versi 10, para subjek temubual yang telah berikan kerjasama dan sumbangan data yang tidak ternilai serta para ilmuwan dan pakar yang sudi ditemubual. Tidak ketinggalan juga buat teman diskusi pencambah idea termasuk Dr. Nooraini Othman, Dr. Kassim Thukiman, Dr. Fauzi Othman, En. Abdul Hamid, Pn. Jamilah, Ust. Arshad, dan ahli-ahli grup facebook 'Motivasi Keagamaan Pelajar Dewasa' di samping Prof. Dr. Nordin Yahya, Dr Shahrom Noordin, Prof. Dr. Azman Hasan, P.M. Dr. Mohd Nor Bakar, Prof. Dr. Noor Azlan Ahmad Zanzali, dan almarhum Prof. Dr. Alias Mohd Yusof (moga Allah ampuni dan rahmati rohnya) serta semua pihak yang telah memberikan sumbangan yang begitu berharga walaupun dengan sekurang-kurangnya bertanya khabar dan menitipkan doa.

Semoga kajian ini dapat memberikan manfaat kepada umat manusia sejagat. Moga Allah anugerahkan sebanyak-banyak kebaikan buat kalian. Sekian.

ZULKIFLI KHAIR

[zuhaka@gmail.com](mailto:zuhaka@gmail.com)

## ABSTRAK

Kajian ini meneroka peranan motivasi keagamaan dalam pembelajaran dewasa khususnya dalam Pembelajaran Arah Diri (SDL) dari perspektif Islam. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti konsep motivasi keagamaan, meneroka kaedah pembinaannya, peranannya ke atas SDL serta menghasilkan teori grounded berkaitan peranan motivasi keagamaan dalam SDL dan pembelajaran dewasa. Penyelidikan bersifat kajian kes secara kualitatif menerusi temubual mendalam dan teori grounded, dibantu oleh perisian NVivo versi 10. Temubual dijalankan terhadap sepuluh orang dewasa beragama Islam yang pernah mengikuti ijazah kedoktoran di sebuah universiti penyelidikan di Malaysia. Selain itu, temubual turut dijalankan terhadap kumpulan pakar dalam pembelajaran dewasa, serta agama dan pembelajaran dari perspektif agama yang termasuk profesor yang berpengalaman luas dalam hal-ehwal pembelajaran di peringkat ijazah kedoktoran. Analisis kandungan terhadap dokumen berkaitan turut dijalankan. Ini termasuk buku perkongsian pengalaman Ph.D. seperti *Seteguh Tekad, Ph.D.: Kecil Tapi Signifikan* dan *Kenangan Sepanjang Jalan*. Teori grounded dibina yang terangkum konsep motivasi keagamaan yang terdiri daripada aspek iman, niat dan tujuan keagamaan serta kesungguhan. Motivasi keagamaan diwakili oleh istilah Motivasi Ilahi. Ia dirumuskan oleh persamaan  $MI \text{ (Motivasi Ilahi)} = I \text{ (Iman)} \times N \text{ (Niat dan tujuan keagamaan)} \times K \text{ (Kesungguhan)}$ . MI ini menghasilkan Pembelajaran Ilahi manakala proses pembinaan MI berlaku menerusi Metakognitif Ilahi, yang melibatkan niat dan keinginan, kognitif dan kefahaman serta amalan kerohanian dengan tujuan untuk melahirkan jiwa yang kuat. Kajian ini juga menyarankan beberapa penambahbaikan terhadap model SDL Garrison dengan memasukkan elemen ‘Metakognitif Ilahi’ dan ‘keluarga’.

## ABSTRACT

This study explores the role of religious motivation in adult learning specifically in Self-Directed Learning (SDL) from an Islamic perspective. Research objectives are to identify the concept of religious motivation, explore its method of development, its role in SDL and to produce a grounded theory related to the role of religious motivation in SDL and adult learning. The research is qualitative case study with in-depth interviews and grounded theory, assisted by NVivo software version 10. Interviews were conducted on ten adult Muslims who had pursued a doctoral degree at a research university in Malaysia. In addition, interviews were also conducted on a group of expert in adult learning, and religion and learning from a religious perspective which includes a professor with vast experience in the affairs of learning at the doctoral degree level. Content analysis of relevant documents was also conducted. This includes Ph.D. experiences sharing books such as *Seteguh Tekad, PhD: Kecil Tapi Signifikan* and *Kenangan Sepanjang Jalan*. A grounded theory was built inclusive with the concept of religious motivation, which consist aspects of faith, religious intention and purpose as well as determination. Religious motivation is also represented by the term Divine Motivation, with the equation of  $MI \text{ (Divine Motivation)} = I \text{ (Faith)} \times N \text{ (Religious intention and purpose)} \times K \text{ (Determination)}$ . MI produces Divine Learning as the construction of MI occurs through Divine Metacognitive, which involves intention and desire, cognitive understanding and spiritual practices in order to produce strong soul. This study also suggests improvements in Garrison SDL model to include elements of 'Divine Metacognitive' and 'family'.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>DEKLARASI</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Objektif Kajian	13
	1.5 Persoalan Kajian	14
	1.6 Rasional Kajian	15
	1.7 Kepentingan Kajian	19
	1.7.1 Penambahan Korpus Ilmu	19
	1.7.2 Kementerian Pengajian Tinggi	20
	1.7.3 Universiti	20
	1.7.4 Pelajar	20
	1.8 Batasan Kajian	21

1.9	Kerangka Kajian	21
1.9.1	Kerangka Teoritikal Kajian	21
1.9.1.1	Teori Keazaman Kendiri	22
1.9.1.2	Model Motivasi Metafizik	22
1.9.1.3	Model Motivasi Perspektif Islam	23
1.9.1.4	Model Pembelajaran Arah Diri	26
1.9.2	Kerangka Konseptual Kajian	29
1.10	Definisi Konsep dan Operasional	31
1.10.1	Pembelajaran Dewasa	31
1.10.2	Pembelajaran Arah Diri	32
1.10.3	Motivasi	32
1.10.4	Motivasi Keagamaan	33
1.10.5	Ibadah	33
1.10.6	Iman dan Takwa	34
1.11	Kesimpulan	35
<b>2</b>	<b>SOROTAN PENULISAN</b>	<b>36</b>
2.1	Pengenalan	36
2.2	Pembelajaran Dewasa	36
2.2.1	Pembelajaran Dewasa	37
2.2.2	Pembelajaran Arah Diri	40
2.2.3	Pembelajaran Dalam Islam	44
2.3	Motivasi dan Pembelajaran	54
2.3.1	Motivasi dan Motivasi Keagamaan	54
2.3.2	Motivasi dan Pembelajaran dari Perspektif Barat Moden	58
2.3.3	Motivasi dan Pembelajaran dari Perspektif Islam	64
2.4	Universiti dan Pengajian Peringkat Ijazah Kedoktoran	72
2.4.1	Universiti	72
2.4.2	Universiti di Malaysia	77
2.4.3	Pengajian Peringkat Ijazah Kedoktoran	80
2.4.4	Fenomena Keciciran	86
2.5	Kajian-kajian Lalu	90

2.6	Kesimpulan	95
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>96</b>
3.1	Pengenalan	96
3.2	Paradigma Berlandaskan Wahyu	88
3.3	Pendekatan Penyelidikan	100
3.3.1	Penyelidikan Kualitatif	100
3.3.2	Kajian Kes	102
3.3.3	Teori Grounded	105
3.4	Sampel dan Lokasi Kajian	107
3.5	Pengumpulan Data Kajian	108
3.5.1	Temubual	109
3.5.2	Kumpulan Fokus	109
3.5.3	Skala Kedudukan	110
3.5.4	Analisis Kandungan	112
3.6	Kajian Rintis	114
3.7	Analisis Data	115
3.8	Keesahan dan Kebolehpercayaan	118
3.9	Triangulasi	119
3.10	Etika Penyelidikan	120
3.11	Kesimpulan	121
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>122</b>
4.1	Pengenalan	122
4.2	Demografi Responden Kajian	124
4.3	Konsep Motivasi Keagamaan	128
4.3.1	Konsep Motivasi Keagamaan	129
4.3.1.1	Iman	130
4.3.1.2	Tujuan Keagamaan	131
4.3.1.3	Usaha Bersungguh-sungguh	133



4.3.2	Tujuan Sambung Belajar	134
4.3.3	Pihak Pendorong Dalam Pembelajaran	144
4.3.4	Perkara Yang Pendorong Dalam Pembelajaran	154
4.3.5	Kaedah Menangani Cabaran Dalam Pembelajaran	156
4.3.6	Keseronokan Dalam Pembelajaran	168
4.3.7	Kesimpulan Konsep Motivasi Keagamaan	173
4.4	Kaedah Membina Motivasi Keagamaan	175
4.4.1	Kaedah Membina Motivasi Keagamaan di Peringkat Individu	176
4.4.2	Kaedah Membina Motivasi Keagamaan di Peringkat Komuniti dan Institusi	179
4.4.3	Kaedah Membina Motivasi Keagamaan Sepunya, di Peringkat Individu, Komuniti dan Institusi	181
4.5	Peranan Motivasi Keagamaan ke atas Pengajian di Peringkat Ijazah Kedoktoran	182
4.6	Kesimpulan	185
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>188</b>
5.1	Pengenalan	188
5.2	Kesimpulan Dapatan Kajian	188
5.3	Perbincangan	189
5.3.1	Latar Belakang Responden	190
5.3.2	Konsep Motivasi Keagamaan	190
5.3.3	Kaedah Membina Motivasi Keagamaan	196
5.3.4	Peranan Motivasi Keagamaan ke atas Pembelajaran	204
5.4	Tahap Pembangunan Teori Grounded	206
5.5	Perbincangan Draf Teori dengan Teori dan Model Berkaitan	217
5.5.1	Teori Keazaman Kendiri (Deci dan Ryan, 2008)	217
5.5.2	Model Motivasi Metafizik (Dowson, 2005)	219
5.5.3	Model Motivasi dari Perspektif Islam (Alawneh, 1998; Alizi dan Mohamad Zaki, 2005)	221
5.5.4	Model Pembelajaran Arah Diri (PAD) (Garrison, 1997)	222

5.6	Pembinaan Teori Grounded	227
5.6.1	Agama dan Motivasi Keagamaan Penjana Pembelajaran Dewasa	227
5.6.2	Iman, Niat dan Tujuan Kerana Allah serta Usaha yang Bersungguh-Sungguh Sebagai Tunjang kepada Motivasi Ilahi	229
5.6.3	Metakognitif Ilahi Sebagai Pembina dan Pelestari Motivasi Ilahi	231
5.6.4	Pemantauan Kendiri terhadap Metakognitif Ilahi, dan Pengurusan Kendiri Terhadap Keluarga	236
5.7	Implikasi	238
5.7.1	Implikasi kepada Individu Muslim	238
5.7.2	Implikasi kepada Pengamal Pembelajaran Dewasa	239
5.7.3	Implikasi kepada Pihak Berwajib	239
5.7.4	Implikasi kepada Teori	240
5.8	Kesimpulan	241
	<b>RUJUKAN</b>	243
	Lampiran A-D	257 - 273

## SENARAI JADUAL

<b>NOMBOR JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1	Perspektif-perspektif terhadap Pembelajaran Arah	43
2.2	Diri Tahap-tahap Pembelajaran Arah Diri menurut Grow (1996)	44
2.3	10 Tema peranan agama terhadap pembelajaran dari perspektif Islam	45
2.4	Analisis literatur peranan agama dan motivasi keagamaan dari perspektif Islam	56
2.5	Carta teori-teori motivasi utama	59
2.6	Perbandingan ciri pengajian sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah	81
3.1	Hubungan antara julat min skor dengan tafsiran tahap	112
3.2	Justifikasi pemilihan dokumen untuk data kajian	113
4.1	Demografi responden kajian	125
4.2	Tahap pembelajaran arah diri dan psiko-kerohanian responden merujuk kepada skor SPAD dan UPI	127
5.1	Kewujudan ciri-ciri baharu pengurusan sendiri dan pemantau sendiri dalam responden merujuk kepada model PAD Garrison (1997)	225

## SENARAI RAJAH

<b>NOMBOR RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Konsep hubungan antara agama dengan kerohanian menurut pandangan Sekular dan Islam	7
1.2	Peranan kepercayaan agama terhadap tingkah laku termotivasi (Dowson, 2005)	23
1.3	Model motivasi dari perspektif Islam (Alizi dan Mohamad Zaki, 2005)	25
1.4	Model Pembelajaran Arah Diri menurut Garrison (1997)	27
1.5	Kerangka konseptual kajian	29
2.1	Kerangka hubungan antara pembelajaran dewasa dengan andragogi dan Pembelajaran Arah Diri sebagaimana dipadankan dengan Merriam (2001), Merriam, Caffarella dan Baumgartner (2007), dan Abdullah (2001)	42
2.2	Model Motivasi Takwa Alawneh (1998)	57
3.1	Epistemologi dan ontologi dalam penyelidikan pengurusan dari sudut pandangan Islam oleh Kamil (2011)	99
3.2	Kaedah pengumpulan data primer	110
3.3	Contoh analisis data berdasarkan kepada pengkodan terbuka, pengkodan bersilang dan pengkodan terpilih	118
4.1	Konsep motivasi keagamaan dalam pengajian di peringkat ijazah kedoktoran	129

4.2	Tema-tema utama konsep motivasi keagamaan dalam pengajian di peringkat ijazah kedoktoran	130
4.3	Tujuan menyambung pengajian di peringkat ijazah kedoktoran	134
4.4	Pengekodaan bersilang tujuan menyambung pengajian di peringkat ijazah kedoktoran	140
4.5	Mereka yang mendorong dalam pengajian di peringkat ijazah kedoktoran	144
4.6	Pihak yang mendorong dalam pengajian di peringkat ijazah kedoktoran	150
4.7	Perkara yang mendorong dalam pengajian di peringkat ijazah kedoktoran	154
4.8	Pengekodaan bersilang perkara yang mendorong dalam pengajian di peringkat ijazah kedoktoran	159
4.9	Kaedah menangani cabaran dalam pengajian di peringkat ijazah kedoktoran	161
4.10	Pengekodaan bersilang kaedah menangani cabaran dalam pembelajaran	165
4.11	Keseronokan dalam pengajian di peringkat ijazah kedoktoran	168
4.12	Pengekodaan bersilang keseronokan dalam pembelajaran	172
4.13	Kaedah membina motivasi keagamaan	175
4.14	Pengekodaan bersilang kaedah membina motivasi keagamaan	176
4.15	Pengekodaan bersilang peranan motivasi keagamaan ke atas pengajian di peringkat ijazah kedoktoran	182
5.1	Niat dan tujuan sebagai antara aspek yang membentuk konsep Motivasi Ilahi	193
5.2	Pengekodaan bersilang dan terpilih bagi konsep motivasi keagamaan	195

5.3	Pengekodaan bersilang dan terpilih bagi kaedah membina motivasi keagamaan di peringkat individu serta di peringkat komuniti dan institusi	202
5.4	Pengekodaan terbuka, bersilang dan terpilih bagi menjelaskan bagaimana motivasi keagamaan berperanan terhadap pembelajaran	204
5.5	Tahap pembangunan teori grounded peranan motivasi keagamaan terhadap PAD	207
5.6	Perincian model PAD Garrison (1997) bersama padanan dengan Bolhuis (1996) dan Song dan Hill (2007)	223
5.7	Peranan Metakognitif Ilahi terhadap Motivasi Ilahi dan seterusnya terhadap Pembelajaran Ilahi dalam konteks Pembelajaran Arah Diri (PAD)	232
5.8	Kedudukan 'Metakognitif Ilahi' serta 'Keluarga' dalam model Pembelajaran Arah Diri Garrison (1997)	237
5.9	Persoalan-persoalan yang wajar diambil kira dalam program khas kepada pelajar yang baru menyambung pengajian di peringkat pasca siswazah	240

## SINGKATAN

&	-	dan
BTP	-	Berjaya Tamat Pengajian
HRQoL	-	<i>Health Related Quality of Life</i>
IP	-	<i>Intellectual Property</i> atau Harta Intelek
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
MI	-	Motivasi Ilahi
PAD	-	Pembelajaran Arah Diri
Ph.D.	-	<i>Philosophy Doctor</i> atau Doktor Falsafah
PSM	-	Projek Sarjana Muda
PSPTN	-	Pelan Struktur Pengajian Tinggi Negara
R&D&C	-	<i>Research &amp; Development &amp; Commercialization</i>
RFID	-	<i>Radio-Frequency Identification</i>
RO	-	<i>Research Officer</i>
saw	-	Selawat dan salam ke atasnya (nabi Muhammad)
SDLRS	-	<i>Self-Directed Learning Readiness Scale</i>
SDP	-	Sedang Dalam Pengajian
SPAD	-	Skala Pembelajaran Arah Diri
SWT	-	Maha Suci dan Maha Mulia (Allah)
TKK	-	Teori Keazaman Kendiri
UPI	-	<i>Ummatic Personality Index</i>

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Protokol Temubual Pelajar Dewasa	257
B	Protokol Temubual Pakar Pembelajaran Dewasa	260
C	Protokol Temubual Pakar Pembelajaran dan Motivasi Keagamaan	262
D	Protokol Temubual Penyelia Ph.D. yang Berpengalaman	265
E	Skala Pembelajaran Arah Diri (SPAD)	267
F	Ummatic Personality Inventory (UPI)	270





## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pembelajaran dewasa juga dikenali sebagai andragogi (Knowles, 1980; dan Knowles *et al.*, 1984). Andragogi dikaitkan dengan pelajar yang matang usianya manakala pedagogi dikaitkan dengan yang lebih muda dan kurang matang (Kember, Jenkins dan Ng, 2003). Andragogi bermaksud seni dan sains dalam membantu orang dewasa untuk belajar di samping berpusatkan pelajar (Knowles, 1980), manakala pedagogi dari segi bahasa bermaksud seni dan sains mengajar anak-anak di samping bersinonim dengan pengajaran serta berfokuskan guru atau pensyarah (NEIU, 2012). Dengan kata lain, pedagogi dan andragogi saling bertentangan dari satu perspektif, namun secara amalnya ia banyak dilakukan secara bersepadu. Bagi pelajar ijazah kedoktoran misalnya, pendekatan andragogi jauh lebih banyak berlaku disebabkan keadaan yang hampir bebas penyeliaan atau berdikari (Mohamed Najib, 2004).

Pembelajaran Arah Diri atau *Self-Directed Learning* (SDL) adalah salah satu bidang kajian utama dalam pembelajaran dewasa (Brookfield, 1995; Garrison, 1997), malah Garrison (1997) menyifatkan Pembelajaran Arah Diri (PAD) sebagai konsep teras dalam kajian dan amalan pembelajaran dewasa, dan Merriam (2001) pula menyifatkan Pembelajaran Arah Diri (di samping andragogi) sebagai paksi utama kepada teori pembelajaran dewasa. Merriam (2004) merumuskan bahawa teori pembelajaran dewasa termasuk andragogi, PAD dan teori pembelajaran transformasi.

Di sini, *Self-Directed Learning* diterjemahkan sebagai Pembelajaran Arah Diri sebagaimana menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2002; 2008).

Bagi Ellinger (2004), prinsip utama pembelajaran dewasa oleh Knowles adalah keadaan pembelajaran yang semakin terarah sendiri iaitu merujuk kepada ciri kematangan orang dewasa. Aspek motivasi memainkan peranan yang penting terhadap pembelajaran dewasa (Knowles *et al.*, 1984; Garrison, 1997; Merriam dan Caffarella, 1999; Lieb, 1991) di samping penting dalam konteks kerjaya dan organisasi (seperti oleh Hackman dan Oldham, 1976; Latham, Stajkovic dan Locke, 2010) serta kesihatan (seperti oleh Zimmerman dan Schunck, 2008; Deci dan Ryan, 2008). Dalam konteks pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran, Lovitts (2001) mengakui bahawa motivasi merupakan salah satu faktor terpenting, dan ini juga selari dengan pandangan Brailsford (2010) dan Mason (2012). Dalam Pembelajaran Arah Diri, model Garrison (1997) memilih 'motivasi sendiri' sebagai pembolehubah penting untuk menghasilkan pembelajaran dalam kalangan orang dewasa. 'Motivasi sendiri' menjadi teras kepada kewujudan 'pengurusan sendiri' dan 'pemantauan sendiri' yang seterusnya mampu menggerakkan tingkah laku pembelajaran.

Walau bagaimanapun, model andragogi dan PAD yang banyak mengakar dari peradaban Amerika Utara dan Eropah ini perlukan kepada perspektif budaya dan peradaban selainnya (termasuk Islam) sebagaimana yang dicadangkan oleh Brookfield (1995). Sehubungan itu, bab ini antara lain akan menjelaskan akan keperluan kepada kajian terhadap aspek motivasi dari perspektif Islam dalam pembelajaran dewasa, sekali gus menjelaskan tentang objektif dan persoalan kajian, kepentingan dan rasional kajian serta kerangka dan batasan kajian. Beberapa istilah berkaitan turut akan dijelaskan sama ada dari definisi konseptual mahupun dari segi operasional.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Wujud perbezaan yang jelas antara pembelajaran daripada perspektif Barat yang berteraskan sekularisme dengan pembelajaran dari perspektif Islam. Faham sekularisme terhasil daripada pertentangan antara Katolik dengan Protestan yang muncul pada tahun 1517 (el-Batnani, 1997). Sekular sebagaimana menurut Muhammad Naquib al-Attas (dalam Wan Mohd Nor, 2005) merujuk kepada masa dan tempat tertentu atau dapat dimaknakan bahawa sekular itu hanya merujuk kepada masa kini yakni di alam dunia tanpa pedulikan masa pada hari akhirat. Manakala menurut Esposito (2008), sekularisme lebih difahami dalam konteks doktrin politik iaitu pemisahan antara agama dengan negara, namun Al-Qardhawi (1999) cuba melihatnya dalam konteks yang lebih umum apabila menterjemahkannya ke dalam bahasa Arab dengan makna ‘tanpa agama’ atau ‘keduniaan’. Sekularisme didapati bukan sekadar memisahkan agama daripada pemerintahan dan negara, bahkan telah menyebabkan pemisahan agama daripada sistem moral dan pendidikan (el-Batnani, 1997). Pemisahan agama daripada pendidikan ini adalah atas nama kebebasan akademik (Minague, 2005) yang antara lain merujuk kepada kongkongan gereja ke atas ilmuwan dan akademik sebagaimana Galileo Galilie yang menerima hukuman mati pada 1642 dengan idea kosmosnya yang dikatakan bertentangan dengan gereja (Hofstadter, 1995).

Zaini (2009: 11) percaya bahawa universiti yang menghayati tradisi keilmuan sekular dapat menyebabkan ‘individu dalam sesebuah universiti itu, dan masyarakat di negara tersebut akan ‘berpenyakit’ dan hilang atau pincang unsur-unsur keinsanannya’. Manakala Sommerville (2006) pula menyifatkan universiti sekular kini sedang mengalami kemerosotan sosial dan intelektual beserta peningkatan amalan jenayah dan seks dalam kalangan pelajar.

Sehubungan itu, pengkaji akan menzahirkan implikasi dan keadaan pemisahan agama tersebut merujuk kepada konteks kajian yang dijalankan sebagaimana berikut:

- i. Pandangan negatif terhadap konsep ‘motivasi’ dan ‘Islam’.
- ii. Konsep ‘motivasi intrinsik’ dan ‘motivasi keagamaan’.
- iii. Konsep ‘agama’ dan ‘kerohanian’.

Kalimat ‘motivasi’ umumnya bersifat positif, dengan kata lain orang yang bermotivasi tinggi lebih baik berbanding orang yang bermotivasi rendah. Bagaimanapun, aspek motivasi dalam Islam sering disalah tafsir. Menurut The Centre for Counterintelligence and Security Studies (CI CENTRE) yang berpangkalan di Amerika Syarikat sebagaimana yang dilaporkan kepada akhbar atas talian, *The Washington Free Beacon* (Barber, 2013), 77 peratus daripada plot keganasan dunia bermotivasikan doktrin ‘khalifah’, ideologi golongan Islamis termasuk al-Qaeda. Media arus perdana seperti *TIME* didapati dengan jelas mempamerkan sikap melabel Islam sebagai berkaitan keganasan (Hashim Fauzy, 2009).

Senario ini turut berlaku dalam penulisan ilmiah. Apabila dirujuk kepada *Ebscohost Research Database* yang diskopkan kepada pengkalan data Academic Research Premier membabitkan lebih 4,600 jurnal termasuk hampir 3,900 judul ulasan rakan sejawat (*peer-reviewed*) dalam tempoh 38 tahun iaitu dari tahun 1974 hingga 2012, pencarian terhadap kata kunci ‘*motivation*’ (‘motivasi’) dan ‘Islam’ menghasilkan senarai sebanyak 109 artikel. Pencarian terhadap kata kunci ‘*motivation*’ (‘motivasi’) dan ‘Islam’ dan ‘*terrorism*’ (keganasan) pula menghasilkan senarai sebanyak 25 artikel. Ini menunjukkan bahawa dalam tempoh 38 tahun, artikel ilmiah yang mengaitkan motivasi dan Islam dengan keganasan adalah sebanyak 25 daripada 109 atau sebanyak 27 peratus (Ebscohost, 2012a; Ebscohost, 2012b).

Merujuk kepada pengkalan data *Ebscohost* di atas, pencarian terhadap kata kunci ‘*motivation*’ (‘motivasi’) dan ‘Islam’ dan ‘*learning*’ (pembelajaran) pula menghasilkan hanya sebuah artikel, itu pun dari perspektif kosmologi dan epistemologi. Ternyata kecenderungan ahli akademik di Barat umumnya terhadap tema motivasi, Islam dan pembelajaran begitu terhad sedangkan rangkaian motivasi-

Islam-pembelajaran begitu banyak dibincangkan dalam literatur Islam. Justeru, suatu tanggapan yang lebih positif dan murni terhadap konsep motivasi dalam Islam perlu dibuat dengan secara serius lagi sistematik.

Yang kedua adalah mengenai perbezaan konsep 'motivasi intrinsik' dari perspektif Barat dan Islam. Sebelum itu, wajar dipaparkan bahawa dorongan dalaman itu didapati begitu kuat berlaku dalam diri orang dewasa termasuk dalam konteks pembelajaran. Perletakan matlamat yang bersifat materialistik telah dijelaskan bahawa ia hanya membataskan daya kreativiti seseorang, sebaliknya motivasi intrinsik adalah akar kepada ketinggian pencapaian (Pink, 2009). Kajian bahawa rangsangan luaran kadang-kadang hanya merendah atau merosakkan tahap motivasi intrinsik telah dimulakan oleh Deci (1971). Csikszentmihalyi (1996) selanjutnya mendapati bahawa prestasi tinggi oleh orang-orang kreatif dalam apa jua bidang sekalipun bukan disebabkan oleh materialisme – motivasi materialistik. Dorongan belajar untuk mendapatkan sijil di samping mengkomoditikan universiti tiada bezanya dengan kritikan oleh Illich (1971) dan Reimer (1971) terhadap institusi pendidikan sebelum ini.

Motivasi yang bersifat intrinsik semata-mata juga tidak dapat diterima dalam Islam, justeru dorongan keagamaan untuk belajar sebagai suatu ibadah harus dibezakan daripada motivasi intrinsik. Dalam Islam, aktiviti pembelajaran diiktiraf sebagai ibadah atau aktiviti keagamaan berdasarkan kepada kriteria-kriteria tertentu (Al-Qardhawi, 1988; Nooraini, 2011). Merujuk kepada kerangka Model Motivasi Islam, Alizi dan Mohamad Zaki (2005) berhujah bahawa adalah tidak wajar ibadah dianggap sebagai suatu keseronokan dalam mengabdikan diri kepada Allah seperti dengan dorongan untuk mengharapkan ganjaran syurga dan mengelakkan diri daripada balasan azab api neraka, sekali gus menolak idea ibadah sebagai suatu bentuk motivasi intrinsik. Pandangan ini didasarkan kepada konsep motivasi intrinsik yang membabitkan aspek keseronokan dan kepuasan sebagaimana yang dijelaskan oleh Deci dan Ryan (2008). Menurut Amabile (1983), motivasi intrinsik itu membabitkan unsur-unsur penentuan nasib sendiri, kecekapan, tugas penglibatan, rasa ingin tahu, keseronokan dan minat. Unsur-unsur ini tidak sampai ke tahap dikira


sebagai ibadah selagi tidak memenuhi syarat-syarat teras ibadah iaitu ikhlas kerana Allah dan menepati syariat Islam (al-Qardhawi, 1988).

Wan Mohd Nor (1983) menggunakan istilah motivasi keakhiratan sebagai motivasi terpenting dalam bidang keilmuan dalam Islam lantaran Islam meletakkan ilmu sebagai yang tertinggi dalam sistem nilainya. Motivasi tersebut antara lain dapat disaksikan dalam bentuk pelbagai ganjaran dalam al-Quran dan as-Sunnah yang turut diberi penekanan komprehensif oleh al-Ghazali (Ad-Dimasyqi, 1979) dan sejumlah buku yang lebih terkemudian seperti oleh Muhammad 'Ustman Najat (2008) yang menganalisis sejumlah hadis daripada konteks ganjaran keakhiratan bagi individu yang menuntut ilmu. Agama ternyata telah meletakkan sasaran tertentu untuk dicapai, sekali gus memberikan dorongan untuk terus belajar dan menamatkan pengajian.

Yang ketiga, sungguhpun semakin banyak literatur di Barat berkaitan kerohanian seperti oleh Hunt (2009), Brown (2008), Tisdell (2003) dan Vella (2003), namun sarjana Barat umumnya lebih berminat untuk menghubungkan aspek kerohanian dengan pembelajaran dewasa berbanding aspek antara agama dengan pembelajaran dewasa. Majoriti sarjana Barat beranggapan bahawa kerohanian itu harus dibezakan daripada agama. Vaillant (2008) misalnya dengan tegas menganggap kerohanian dan agama sebagai suatu yang berbeza. Beliau menyifatkan kerohanian sebagai merangkumi kepercayaan, cinta, harapan, keseronokan, keampunan dan belas kasihan. Pandangan yang sama turut disentuh oleh Tisdell (2003) bahawa kerohanian tidak dapat dikaitkan dengan agama lantaran kerohanian mempunyai hubungan dengan semua perkara di dunia ini.

Hujah Tisdell (2003) ini bagaimanapun tidak berpadanan dengan kerangka dan pandangan dunia Islam bahawa agama Islam itu bersifat menyeluruh dan mempunyai hubungan dengan semua perkara di dunia ini sebagaimana termaktub dalam surah al-Maidah, ayat 3. Hal ini turut diakui oleh Jansen (1979). Konsep kesempurnaan atau kesyumulan Islam dijelaskan juga dalam al-Quran dalam surah

al-Maidah, 5: 3 dan dalam surah al-Nahl, 16: 89. Dalam al-Baqarah, 2: 208 pula termaktub perintah agar masuk ke dalam Islam secara seluruhnya. Pembangunan rohani misalnya mesti terarah mengikut acuan dan kehendak agama iaitu menerusi dengan peningkatan iman, akidah dan pengetahuan terhadap Tuhan dan dengan hukum-hukum, ajaran-ajaran dan moral dalam agama (Hassan, 1983), justeru memberikan isyarat bahawa aspek kerohanian itu adalah subset kepada agama menurut perspektif Islam. Konsep hubungan antara agama dengan kerohanian sebagaimana menurut pandangan Sekular dan Islam ditunjukkan dalam Rajah 1.1 berikut.



**Rajah 1.1** Konsep hubungan antara agama dengan kerohanian menurut pandangan Sekular dan Islam

Aspek motivasi juga mesti berada dalam kerangka agama, demikian menurut perspektif Islam. Sehubungan itu, menurut Alizi dan Mohamad Zaki (2005), perbezaan terpenting antara motivasi dari perspektif Islam dengan perspektif Barat adalah dari segi peranan kejiwaan, iaitu jiwa berperanan penting sebagai moderator dalam membina motivasi. Mereka juga secara tidak langsung berhujah bahawa motivasi intrinsik tidak semudahnya dianggap sebagai motivasi keagamaan apabila ia tidak menepati ciri-ciri ibadah. Pembelajaran yang diterima dalam Islam adalah yang



menepati syarat ibadah iaitu ikhlas kerana Allah dan menepati syariat Islam (al-Qardhawi, 1988). Al-Qardhawi (1988) mencirikan lagi syarat ibadah kepada butiran seperti berikut:

- i. bersesuaian dengan hukum Islam,
- ii. dilakukan dengan niat kerana Allah,
- iii. dilakukan dengan sebaik mungkin,
- iv. sentiasa menepati hukum Islam sewaktu melakukannya, dan
- v. tidak mencuaikan ibadah-ibadah khusus seperti solat dan zakat.

Pembelajaran dewasa dalam Islam dikatakan tidak disokong oleh siri kajian saintifik dan empirikal sebagaimana didakwa oleh Merriam (2007) melainkan lebih banyak dipengaruhi oleh tradisi budaya, agama dan falsafah. Pandangan ini perlu ditangani memandangkan bahawa sungguhpun pembelajaran dalam Islam cukup kuat dipengaruhi oleh agama, namun agama Islam itu sendiri memberikan saranan kepada penganutnya agar melakukan kajian secara saintifik (Al-Faruqi dan al-Faruqi, 1986). Selain itu, dakwaan bahawa Islam hanya berperanan dalam pembelajaran tidak formal sebagaimana menurut Merriam dan Kim (2008) juga perlu dijelaskan. Fakta bahawa buku-buku teks di Universiti Oxford dan Cambridge termasuk dalam bidang sains dan teknologi merupakan buku-buku terjemahan daripada bahasa Arab dari dunia Islam sebagaimana menurut Salah (2004) menunjukkan bahawa pembelajaran dewasa dalam Islam mendokong kajian saintifik dan empirikal dan berlaku dalam konteks pembelajaran formal.

Pengkaji pernah hadiri suatu wacana oleh Prof. Salim al-Hasani, Pengerusi Foundation of Science, Technology and Civilization (FSTC) yang terkenal dengan laman web bertaraf dunia, MuslimHeritage.com. Wacana tersebut adalah khusus buat pelajar pasca-siswazah Malaysia di UK dan dianjurkan sempena Konferens Tahunan Ke-2 Malaysian Research Group (MRG) bertempat di Manchester pada 26 September 2003. Pada awal wacana, Prof Salim mengajukan persoalan: “Mengapa anda sambung belajar?” Maka, beberapa jawapan yang diberikan oleh khalayak seperti ‘terpaksa’ dan ‘arahan universiti’ tidak memuaskan hati beliau. Respons ‘untuk meningkatkan ilmu’ menurutnya perlukan keterangan lanjut. Senario ini

menurut pengkaji wajar dipandang serius dalam konteks tujuan sebenar seseorang itu melanjutkan pengajian hingga sanggup pula meninggalkan kampung halaman beribu-ribu kilometer jauhnya. Respons seperti 'terpaksa' dan 'arahan universiti' kelihatan berseloroh sifatnya, namun adakah ia suatu yang benar-benar berseloroh sifatnya? Apakah mereka tidak didorong oleh motivasi keagamaan? Ini memerlukan kepada kajian penerokaan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Motivasi merupakan elemen penting dalam PAD (Garrison, 1997; Knowles, 1984; Merriam dan Caffarella, 1999; Lieb, 1991). Bermakna, ia juga merupakan elemen penting dalam pembelajaran dewasa, memandangkan kepada kedudukan PAD sebagai subset kepada pembelajaran dewasa (Merriam, 2001; Abdullah, 2001; Song dan Hill, 2007). Kepentingan motivasi dalam pembelajaran dewasa antara lain dijelaskan oleh Knowles (1980), Knowles *et al.* (1984) dan Ellinger (2004). Menurut Garrison (1997), motivasi merupakan elemen terpenting dalam PAD, lantaran motivasi berupaya menghasilkan keadaan pengurusan sendiri dan pemantauan sendiri dalam diri seseorang pelajar dewasa. Sehubungan itu, Lovitts (2001) menegaskan bahawa motivasi merupakan salah satu faktor terpenting dalam pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran, dan ia juga diakui oleh Brailsford (2010) dan Mason (2012).

Sehubungan itu, Wendler *et al.* (2010) pernah mencadangkan agar suatu kajian sistematik mengenai motivasi dilakukan, manakala rakaman dan analisis pengalaman dapat memberi laluan juga garis panduan kepada mereka yang ingin melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran pada masa-masa yang akan datang (Muhd. Kamil, 2004). Selain itu, Pembelajaran Arah Diri (PAD) perlu pula dikaji dari konteks latar selain dari Amerika Utara dan Eropah (Brookfield, 1995; Merriam *et al.*, 2007). Ini disokong oleh ramai sarjana tempatan seperti Mohd Azhar

(2012), Adanan (2006), dan Mazalan (2002). Sorotan literatur PAD di Amerika Syarikat pada abad ke-19 hingga ke-21 oleh Guglielmino *et al.* (2004) menunjukkan bahawa tiada kajian langsung PAD dengan aspek agama dan keagamaan melainkan karya oleh Knowles pada tahun 1962.

Gibbons (2012) bagaimanapun percaya bahawa kepercayaan agama dapat mempengaruhi pemikiran seseorang sekali gus terhadap PAD. Di Barat, aspek agama ada dikaji dalam konteks pembelajaran pada peringkat ijazah pertama oleh Rettinger dan Jordan (2005) dan pada peringkat ijazah kedoktoran sebagaimana oleh Mirza dan Hoskins (2010). Namun, kajian berkenaan dikaji dari perspektif Kristian selaku agama yang mendominasi di dunia Barat.

Aspek pembelajaran dan pendidikan Barat khususnya dari benua Amerika Utara dan Eropah yang berakarkan sekularisme didapati bertentangan dengan Islam apabila ia tidak pedulikan persoalan akhirat (Wan Mohd. Nor, 2005). Pandangan hidup Barat terhadap keilmuan dan kemajuan umumnya adalah bertitik-tolak daripada pemisahan agama dan penolakan ke atas sumber wahyu (Tarnas, 1991), sebaliknya Islam menyeru agar setiap aspek kehidupan hendaklah merujuk kepada agama dan sumber wahyu sebagaimana diperintah agar masuk ke dalam Islam secara seluruhnya yang termaktub dalam al-Quran dalam surah al-Baqarah, 2: 208.

Wujud salah faham apabila Islam dikatakan tidak dianggap menyokong kajian-kajian saintifik dalam konteks pembelajaran dan juga pembelajaran dewasa (lihat Merriam, 2007) sedangkan agama Islam itu sendiri memberikan saranan kepada penganutnya agar melakukan kajian secara saintifik (Al-Faruqi dan al-Faruqi, 1986). Gagasan Islamisasi ilmu yang menggalakan penulisan ilmiah berasaskan kajian empirikal seperti oleh al-Attas (1978), al-Faruqi (1982) dan Mohd. Nasir (2005) wajar diberi perhatian oleh para ilmuwan Islam. Penulisan ilmiah secara konseptual berdasarkan al-Quran dan sunnah dan kemudiannya diberi nilai tambah dengan dapatan kajian empirikal diharapkan akan lebih dapat diterima oleh audiens pembaca dan ilmuwan dalam kalangan bukan Islam.

Motivasi intrinsik dan ekstrinsik semata-mata dalam konteks pembelajaran pada dasarnya tidak menepati kehendak Islam, lantaran motivasi dalam Islam itu ditunjangi oleh aspek kejiwaan (Alizi dan Mohamad Zaki, 2005; Alawneh, 1998). Dorongan keseronokan dalam pembelajaran semata-mata tidak boleh meletakkan aktiviti pembelajaran berkenaan sebagai suatu ibadah (Alizi dan Mohamad Zaki, 2005) ke arah pembelajaran yang diterima dalam Islam dan dianggap ibadah adalah yang menepati syarat ibadah termasuklah ikhlas kerana Allah (al-Qardhawi, 1988).

Dorongan materialisme semata-mata dalam pembelajaran juga dilarang dalam Islam seperti untuk mendapatkan kemasyhuran dalam kalangan masyarakat dan kelompok ilmuwan (al-Ghazali, 2009; Muhammad Syukri, 2002). Ini diperkukuh oleh banyak hadis termasuklah yang direkodkan oleh Ibn Majah dan Abu Daud seperti berikut.

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah berkata: ‘Bersabda Rasulullah saw: ‘Sesiapa mengajar ilmu kerana bukan mengharapkan dari ilmu itu wajah Allah (ikhlas kerana Allah), tidak belajar dia ilmu (kecuali) untuk dapat harta dengan ilmu itu dari harta dunia, (jika itu tujuannya maka) tidak menjumpai dia bau syurga pada hari kiamat.’

Sebaliknya tujuan pembelajaran dalam Islam perlu dikaitkan dengan agama sebagaimana setiap perbuatan dan pekerjaan hendaklah berupa suatu ibadah kepada Allah (Al-Qardhawi, 1988), untuk mendekati diri kepada Allah (Mazanah dan Mazalan, 2007), dan untuk memupuk kebaikan dalam diri atau dengan kata lain untuk membentuk peribadi yang beradab (al-Attas, 1980). Agama didapati mampu memberikan dorongan yang kuat untuk belajar termasuklah untuk menamatkan pengajian ijazah kedoktoran dengan merujuk kepada pelbagai ganjaran yang termaktub dalam sumber-sumber wahyu (Ad-Dimasyqi, 1979; Muhammad ‘Ustman Najat, 2008).

Sungguhpun sarjana Barat seperti Tisdell (2003) cuba menghubungkan kerohanian dengan pembelajaran dewasa, namun pembolehkan kerohanian

berkenaan adalah terpisah daripada agama. Ini tidak berpadanan dengan kerangka dan pandangan Islam bahawa agama Islam itu bersifat menyeluruh dan melengkapi setiap aspek kehidupan sebagaimana termaktub dalam surah al-Maidah, ayat 3. Konsep kesempurnaan atau kesyumulan Islam dijelaskan dalam al-Quran dalam surah al-Maidah, 5: 3 dan dalam surah an-Nahl, 16: 89. Oleh yang demikian, suatu kajian perlu dijalankan bagi mengenalpasti peranan motivasi keagamaan Pembelajaran Arah Diri, dalam kalangan pelajar dewasa.

Selain itu, kajian ini juga wajar dijalankan memandangkan kepada kurangnya kajian tentang pengajian kedoktoran (Ali dan Kohun, 2006). Pengkaji juga mendapati bahawa kajian tentang motivasi keagamaan dari perspektif Islam dalam pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran juga amat terhad. Kaseh *et al.* (2010) misalnya telah mengkaji motivasi keagamaan dalam kalangan pelajar siswazah bukan berbangsa Arab (majoritinya berbangsa Melayu) dalam pembelajaran bahasa Arab berdasarkan kerangka Teori Keazaman Kendiri. Mereka telah menambah konstruk 'motivasi keagamaan' di samping konstruk-konstruk 'motivasi intrinsik', 'motivasi ekstrinsik' dan 'tanpa motivasi'. Kajian ini bagaimanapun sangat berfokus kepada subjek tertentu (Bahasa Arab) yang membabitkan tempoh pengajian selama satu semester atau sekitar tiga bulan.

Dengan merujuk kepada sumber-sumber wahyu yang diterima dalam Islam, Alizi dan Mohamad Zaki (2005) meletakkan aspek kejiwaan sebagai teras kepada motivasi manakala motivasi intrinsik harus dipisahkan berbanding motivasi keagamaan. Seterusnya, agama didapati berupaya meningkatkan motivasi dalam pembelajaran (al-Ghazali, 2009; Muhammad Syukri, 2002; Ad-Dimasyqi, 1979; Muhammad 'Ustman Najat, 2008) serta jiwa dan iman adalah paksi kepada motivasi (Alawneh, 1998). Bagaimanapun semuanya ini tidak diiringi dengan kajian bersifat empirikal.

Kajian bersifat empirikal mengenai pengaruh agama telah dilakukan terhadap kerjaya (Ali, 1988), atlit (Abdul Hafidz, 2000), pembelajaran tidak formal pada

peringkat lokaliti (Nik Hairi, 1998), pembelajaran tidak formal dalam kalangan petani, nelayan dan peneroka Felda (Adanan dan Mohd. Azhar, 2007), pembelajaran perubatan pada peringkat ijazah pertama (Abdel-Halim dan AlKattan, 2012) dan pembelajaran bahasa Arab pada peringkat ijazah pertama (Kaseh *et al.*, 2010).

Sebahagian daripada kajian ini hanya membabitkan pembelajaran tidak formal dan tidak membabitkan pembelajaran pada peringkat ijazah kedoktoran. Kajian oleh Mahani (2011) calon Ph.D. wanita di Malaysia yang majoritinya beragama Islam telah mengkaji aspek motivasi keagamaan secara tidak langsung dan beliau telah mendapati bahawa agama memainkan peranan terhadap pengajian pada peringkat Ph.D. dalam konteks ibadah dan amanah, namun kajian ia hanya membabitkan calon Ph.D. wanita di samping tidak menjelaskan bagaimana motivasi keagamaan dapat dibina dan mempengaruhi dalam pembelajaran dewasa.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Dalam konteks operasional, pelajar-pelajar dewasa yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada mereka yang pernah dan sedang menjadi pelajar pada peringkat ijazah kedoktoran. Tujuan kajian adalah untuk meneroka peranan motivasi keagamaan ke atas Pembelajaran Arah Diri pada peringkat pengajian ijazah kedoktoran. Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk:

- i. mengenal pasti konsep motivasi keagamaan yang difahami dan diamalkan dalam kalangan mereka yang sedang dan pernah mengikuti pengajian ijazah kedoktoran,
- ii. meneroka bagaimana motivasi keagamaan tersebut dibina dan dilestarikan,
- iii. menjelaskan peranan motivasi keagamaan ke atas pembelajaran arah diri sebagai faktor pendorong dalam pengajian ijazah kedoktoran.

- iv. menghasilkan teori *grounded* yang dapat menghuraikan peranan motivasi keagamaan dalam Pembelajaran Arah Diri dalam proses pengajian ijazah kedoktoran.

### 1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini perlu menjawab persoalan-persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah pandangan pelajar dewasa terhadap konsep dan makna motivasi keagamaan sebagaimana yang mereka fahami?
- ii. Apakah pandangan pelajar dewasa terhadap konsep dan makna motivasi keagamaan sebagaimana yang mereka amalkan?
- iii. Apakah pandangan pakar agama terhadap konsep dan makna motivasi keagamaan sebagaimana menurut sumber-sumber utama dalam Islam iaitu al-Quran dan Sunnah?
- iv. Bagaimanakah motivasi keagamaan dapat dibina dalam pengajian ijazah kedoktoran?
- v. Bagaimanakah motivasi keagamaan dapat dilestarikan dalam pengajian ijazah kedoktoran?
- vi. Bagaimanakah agama memberikan dorongan kepada pelajar dewasa untuk memulakan pembelajaran?
- vii. Bagaimanakah agama memberikan dorongan kepada pelajar dewasa untuk menamatkan pembelajaran?
- viii. Apakah motivasi keagamaan membantu pelajar dewasa dalam menangani cabaran sewaktu proses pembelajaran?
- ix. Apakah yang dapat dijelaskan oleh teori *grounded* berkenaan motivasi keagamaan dalam menamatkan pengajian ijazah kedoktoran?

- x. Apakah yang dapat dijelaskan oleh teori *grounded* berkenaan hubungan antara PAD dengan motivasi keagamaan dalam menamatkan pengajian ijazah kedoktoran?

## 1.6 Rasional Kajian

Lovitts (2001) menyifatkan pengajian ke peringkat ijazah kedoktoran adalah suatu yang berisiko tinggi dan terdedah kepada kegagalan untuk mendapatkannya. Kegagalan boleh berlaku sama ada gagal setelah mengikuti pengajian hingga ke penghujungnya atau dengan cara menarik diri (Becher, Henkel dan Kogan, 1994). Fenomena kegagalan ini dapat diungkapkan sebagai fenomena keciciran (*attrition*) yang dapat dimaknakan sebagai fenomena pelajar yang tidak dapat menamatkan pengajian kedoktoran dan seterusnya tidak dapat menerima anugerah ijazah berkenaan (Ali dan Kohun, 2006).

Fenomena keciciran dalam pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran adalah agak serius. Menurut Ali dan Kohun (2006), satu daripada dua pelajar yang mendaftar pada peringkat pengajian kedoktoran atau kira-kira 50 peratus daripadanya tidak menamatkan pengajian atau dengan kata lain mengalami keciciran (Stewart, 2005), manakala Smallwood (2004) dan Wendler *et al.* (2010) menyatakan dengan kadar 40 hingga 50 peratus. Golde (2006) dengan berdasarkan kepada laporan-laporan dalam 1990-an di Amerika Syarikat merumuskan bahawa satu daripada tiga masalah utama dalam pengajian kedoktoran adalah soal keciciran. Menurut Lewis Siegel, Pengerusi Graduate Education (GRE) Board dan Dekan Pusat Pengajian Siswazah di Duke University, keciciran adalah 'isu paling pokok dalam pengajian kedoktoran di Amerika Syarikat pada hari ini.' (dipetik oleh Wendler *et al.*, 2010: 28 dan Smallwood, 2004: 10) dan juga menjadi batu penghalang kepada misi negara untuk menambah bilangan pemegang ijazah kedoktoran sebagaimana yang disebutkan sebelum ini.



Akibat daripada gejala keciciran pada peringkat pengajian ijazah kedoktoran telah dirumuskan dengan baik oleh Smallwood (2004) bahawa ia banyak menghabiskan masa, bakat, wang dan memberikan kesan yang mendalam kepada perasaan dan kejiwaan. Di Amerika Syarikat, dianggarkan pengurangan keciciran sebanyak 10 peratus sahaja sudah mampu menjimatkan kos sebanyak USD1 juta (Smallwood, 2004). Di Malaysia, jika seorang tenaga akademik gagal menamatkan pengajian ijazah kedoktorannya, penaja iaitu kerajaan akan rugi sekitar RM400,000 (Muhd. Kamil, 2005). Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, sebanyak RM1.2 bilion diperuntukkan kepada 6,300 orang tenaga akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk mengikuti program kedoktoran (Kementerian Pengajian Tinggi, 2007). Dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (2011 hingga 2015) menerusi program MyBrain 15, peruntukan meramaikan warga Malaysia berijazah kedoktoran meningkat hingga sekitar sekali ganda menerusi pelbagai projek sama ada dalam kalangan tenaga akademik mahupun bukan tenaga akademik. Projek-projek itu adalah MyPh.D. (peruntukan sebanyak RM350 juta dengan sasaran 5,000 orang), Ph.D. Industri (peruntukan sebanyak RM50 juta dengan sasaran 500 orang) dan Skim Latihan Akademik IPTA atau SLAI (peruntukan sebanyak RM1.88 bilion dengan sasaran 9,700 orang) (Berita Harian, 2010).

Chapman (2009) melaporkan bahawa seramai 50 tenaga akademik di sebuah institusi pengajian tinggi, diminta memberikan surat tunjuk sebab akibat tidak tamat pengajian kedoktoran masing-masing (Laporan tahun 2006 oleh Institute of Graduate Studies (IGS), Universiti Teknologi Mara (UiTM) (dalam Faizah, 2010) mendapati bahawa pada saban tahun terdapat peningkatan penyelidik siswazah yang gagal menamatkan pengajian disebabkan kelemahan prestasi mereka. Ironinya, rata-rata daripada mereka merupakan dalam kalangan yang terpilih dengan mempunyai rekod cemerlang dalam akademik, setelah melepasi ijazah pertama dan ijazah sarjana dan soal prestasi lemah dalam akademik tidak sepatutnya berlaku. Lebih malang lagi apabila tenaga akademik sendiri yang diberi cuti belajar tidak dapat menghabiskan pengajian kedoktoran dan sepatutnya menjadi contoh teladan kepada para pelajar di bawah kendaliannya. Di Amerika Syarikat, Wendler *et al.* (2010) mendapati bahawa 25 peratus daripada pelajar kedoktoran yang menerima tawaran biasiswa berprestij seperti Graduate Research Fellowship Program of the National Science Foundation

(NSF), terlibat dengan masalah keciciran. Menurut Lovitts (2001), ada juga dalam kalangan ahli persatuan golongan yang cemerlang dalam akademik, Phi Beta Kappa yang gagal menamatkan pengajian.

Oleh yang demikian, kajian terhadap motivasi keagamaan diharapkan dapat membantu para pelajar, penyelia dan pentadbir di institusi pengajian tinggi dalam menangani isu keciciran ini. Motivasi keagamaan diharapkan menjadi alternatif khususnya dalam kalangan yang beragama Islam di samping motivasi ekstrinsik dan intrinsik yang sudahpun diterima pakai. Pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran yang membabitkan Pembelajaran Arah Diri bertunjangkan kepada kekuatan motivasi dalam diri pelajar sebagaimana menurut Garrison (1997). Sungguhpun begitu, Churchill dan Sanders (2007) mendapati bahawa ramai pelajar pada peringkat ijazah kedoktoran tidak memberikan perhatian kepada aspek motivasi. Kepentingan motivasi dalam pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran turut diakui oleh Lovitts (2001), Ivankova (2002) dan Brailsford (2010).

Seterusnya, rasional pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran dipilih sebagai fokus kajian gus diharapkan dapat mewakili pembelajaran dewasa berdasarkan kepada beberapa ciri unik pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran seperti berikut:

- i. Sifat berdikari dan hampir bebas penyeliaan wujud dengan ketara dalam pengajian ijazah kedoktoran (Mohamed Najib, 2004), dan jika dirujuk kepada kerangka tahap Pembelajaran Arah Diri Grow (1991), pengajian pada peringkat ini berada pada tahap tertinggi atau tahap 4.
- ii. Tempoh pengajian yang panjang dan cabaran yang tinggi menuntut kepada motivasi yang juga tinggi. Di Malaysia, tempoh pengajian Ph.D. adalah antara tiga hingga lima tahun (Ismail dan Abiddin, 2009; Faizah, Nor Hashima dan Fatin, 2010).
- iii. Pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran lazimnya membabitkan penemuan hikmah atau kebijaksanaan. Pengalaman yang dimiliki oleh mereka yang berusia menyebabkan mereka mampu kembali sebagai pelajar bersama hikmah (Roberts, 2012), manakala pelajar Ph.D. (akronim kepada doktor falsafah) itu seharusnya mencintai hikmah lantaran asal makna 'falsafah' itu adalah 'mencintai

hikmah', namun hikmah itu tidak harus bercampur aduk antara kebenaran dan kebatilan seperti khurafat (Mat Rofa, 2009).

- iv. Dalam konteks Malaysia, pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran merupakan agenda kritikal negara, memandangkan kepada cabaran untuk mencapai sasaran bilangan pemegang ijazah Ph.D. dalam masa yang agak singkat (Zulkifli, 2011).

Walaupun pengajian Ph.D. memberikan persepsi dan pengalaman yang berbeza, risiko keciciran yang tinggi adalah sutau fenomena (Lovitts, 2001) justeru menuntut kepada motivasi yang tinggi sekali gus memberikan rasional agar kajian ini dijalankan. Sebaliknya, ada yang menganggap pengalaman Ph.D. sebagai suatu yang 'manis dan bermakna'. Ini dapat dilihat menerusi perkongsian pengalaman Ph.D. dalam buku-buku seperti *Seteguh Tekad, PhD: Kecil Tapi Signifikan* dan *Kenangan Sepanjang Jalan*.

Akhirnya, saranan Langgulung (2005) amat wajar diberi perhatian agar pembolehubah-pembolehubah seperti PAD, motivasi keagamaan dan pembelajaran dewasa dapat dikaji dalam kerangka Islam khususnya dalam kalangan ilmuwan muslim:

“Sepatutnya ahli-ahli pendidikan di dunia Islam mengkaji pendidikan Islam, mengkaji pemikiran pendidikan Islam, mengenal pemikir-pemikir pendidikan Islam, dan bagaimana mereka berfikir daripada mengikuti saja arus pendidikan yang jauh dari jiwa, roh, dan hati kita, yang telah dibuktikan oleh sejarah kegagalannya ketika kita meminjamnya, tidak lain tak bukan hanya kerana ia jauh dari ideologi kita.”

## 1.7 Kepentingan Kajian

Hasil kajian kelak dijangka dapat menyumbang dan memberi manfaat kepada pihak-pihak seperti berikut.

### 1.7.1 Penambahan Korpus Ilmu

Teori *grounded* yang dihasilkan menerusi kajian ini diharapkan dapat menambahkan ilmu pengetahuan terutama dalam konteks peranan motivasi keagamaan dalam disiplin pembelajaran dewasa dan lebih khusus dalam Pembelajaran Arah Diri (PAD). Sungguhpun motivasi memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran dewasa (Knowles, 1984; Garrison, 1997; Merriam dan Caffarella, 1999) dan juga dalam PAD (Garrison, 1997), namun peranan agama dalam menghasilkan motivasi tidak diambil kira. Begitu juga dengan aspek intrinsik dan ekstrinsik dalam motivasi. Aspek agama, kejiwaan, iman dan ibadah serta hubungkaitnya dengan motivasi dalam pembelajaran dewasa tidak dijelaskan oleh Deci dan Ryan (2002) serta Amabile *et al.* (1994) juga Knowles (1984), Garrison (1997), serta Merriam dan Caffarella (1999). Aspek motivasi yang dianggap sebagai pencetus terhadap Pembelajaran Arah Diri (PAD) sebagaimana yang digagaskan oleh Garrison (1997) juga tidak dilihat dalam konteks agama dan ketuhanan. Oleh itu, wujud vakum yang perlu diisi oleh kajian seumpama ini.

### 1.7.2 Kementerian Pengajian Tinggi

Pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dapat merangka dan merancang semua strategi dalam menambah bilangan pemegang ijazah kedoktoran khususnya menerusi Universiti Penyelidikan. Berdasarkan kepada kajian ini, gambaran dan penjelasan kepada aspek motivasi keagamaan dalam pengajian ijazah kedoktoran akan dijadikan panduan dan rujukan, sekali gus mengiktiraf peranan agama dalam

pengajian terutama dalam kalangan pelajar dewasa khususnya pelajar pada peringkat ijazah kedoktoran. Kajian ini seterusnya diharapkan dapat meningkatkan keberkesanan pihak KPT dalam mencapai sasaran dalam MyBrain 15 dan Pelan Struktur Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), sekali gus dapat merencanakan aktiviti R&D&C (*Research & Development & Commercialization*) dalam konteks pembangunan negara yang lebih mapan.

### 1.7.3 Universiti

Pihak universiti diharapkan boleh merancang dan mengatur strategi buat para pelajar ijazah kedoktoran dalam konteks pembinaan dan pelestarian motivasi dalam pengajian. Kajian ini diharapkan dapat menjelaskan tentang kepentingan dan sumbangan motivasi keagamaan kepada pengajian ijazah kedoktoran. Pihak pengurusan universiti pula akan dapat merangka strategi dalam meningkatkan bilangan tenaga akademik yang memiliki ijazah kedoktoran sekali gus mengurangkan kegagalan dan kelewatan dalam menyiapkan penyelidikan dalam tempoh yang ditetapkan, khususnya kepada universiti bertaraf Universiti Penyelidikan dan Universiti APEX yang perlu mencapai tahap 75 peratus tenaga akademiknya memiliki ijazah kedoktoran menjelang tahun 2020. Hal ini selaras dengan kehendak pihak Kementerian Pengajian Tinggi (2009) yang menggesa agar pihak universiti awam mengambil langkah tertentu untuk *menentukan semua pelaburan bagi tujuan meningkatkan pensyarah berkelulusan Ph.D. ini memberi pulangan sewajarnya* atau dengan kata lain para staf akademik yang dibiayai dan ditaja itu dapat menamatkan pengajian kedoktoran masing-masing dengan jayanya.

### 1.7.4 Pelajar

Diharapkan pelajar ijazah kedoktoran dapat membuat refleksi terhadap peranan agama dalam pengajian dan juga kepentingan motivasi keagamaan dalam pengajian

ijazah kedoktoran. Selain itu, pelajar dapat mengenalpasti dan mengaplikasi cara membina dan melestarikan motivasi keagamaan dalam pengajian ijazah kedoktoran.

## **1.8 Batasan Kajian**

Kajian motivasi keagamaan ini adalah dalam konteks PAD atau dalam konteks pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran. Ini bermakna, kajian terbatas dalam konteks pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran, dan juga terbatas di sebuah Universiti Penyelidikan di Malaysia. Para responden dipilih dalam kalangan yang beragama Islam manakala motivasi keagamaan dilihat daripada perspektif Islam. Kajian turut dibataskan kepada instrumen temubual dan penghasilan teori *grounded*. Selain itu, kajian ini juga dibataskan oleh beberapa kekangan seperti masa, kewangan dan kemahiran penyelidik.

## **1.9 Kerangka kajian**

Kerangka kajian ini dibincangkan melalui kerangka teori dan kerangka konseptual kajian sebagaimana berikut.

### **1.9.1 Kerangka Teoritikal Kajian**

Kerangka teoritikal membabitkan sejumlah teori dan model yang kelak dijadikan rujukan, penanda aras dan perbandingan dalam kajian yang dijalankan. Model Pembelajaran Arah Diri (Garrison, 1997) dijadikan sebagai model utama dalam Pembelajaran Arah Diri. Ia dipilih berdasarkan pemilihan 'motivasi' sebagai

pembolehubah terpenting ke arah pembelajaran sendiri. Seterusnya, pembolehubah ‘motivasi keagamaan’ dipancarkan dengan Teori Keazaman Kendiri (Deci dan Ryan, 2008), Model Motivasi Metafizik (Dowson, 2005), dan Model Motivasi Perspektif Islam (Alizi & Mohamad Zaki, 2005; Alawneh, 1998).


#### 1.9.1.1 Teori Keazaman Kendiri

Deci dan Ryan (2008: 182) mengemukakan Teori Keazaman Kendiri (*Self Determination Theory*) pada tahun 1970-an dan merumuskan teori ini sebagai, “teori empirikal yang berasaskan motivasi manusia, pembangunan, dan kesejahteraan. Teori ini memberi tumpuan kepada jenis, daripada amaan yang adil, motivasi, memberi perhatian khusus kepada motivasi autonomi, motivasi terkawal, dan tanpa motivasi (*amotivation*) sebagai peramal prestasi, hubungan, dan hasil.” Berdasarkan teori ini, ia dapat dibahagikan kepada motivasi autonomi (motivasi intrinsik dan ekstrinsik) dan motivasi terkawal (Deci dan Ryan, 2008) atau secara umumnya terbahagi kepada motivasi intrinsik dan ekstrinsik (Deci dan Ryan, 1985; 1994). Deci dan Ryan (1985) menyifatkan motivasi itu hakikatnya melampaui daripada aspek pacuan atau terhad kepada aspek *id* (dari perspektif psikoanalisis), lalu menggagaskan motivasi intrinsik atau motivasi tidak berasaskan pacuan yang membabitkan aspek ego termasuklah dorongan untuk meneroka dan bermain serta yang berkait dengan proses rasional.

#### 1.9.1.2 Model Motivasi Metafizik

Model Motivasi Metafizik dikemukakan oleh Dowson (2005) dengan bersandarkan kepada Teori Jangkaan. Beliau percaya bahawa kepercayaan agama juga berperanan dalam menghasilkan tingkahlaku atau disebut sebagai motivasi metafizik. Berdasarkan Rajah 1.2 berikut, kepercayaan dalam agama menghasilkan jangkaan (*expectancy*) dan nilai (*values*) tertentu. Ini termasuklah ganjaran pahala dan syurga yang menjadi jangkaan dalam memberikan dorongan untuk sesuatu

tingkah laku. Dowson (2005) membuat kesimpulan bahwa kepercayaan agama adalah suatu yang bersifat motivasi kerana ia dapat membawa kepada keputusan yang sangat dihargai, harapan yang meyakinkan, dan kemanjuran agama positif (*positive religious efficacy*).



**Rajah 1.2** Peranan kepercayaan agama terhadap tingkah laku termotivasi (Dowson, 2005)

### 1.9.1.3 Model Motivasi Perspektif Islam


Alizi dan Mohamad Zaki (2005) berpendapat bahawa perbezaan terpenting antara motivasi dari perspektif Islam dengan perspektif Barat sekular adalah dari segi peranan kejiwaan iaitu jiwa berperanan penting sebagai moderator dalam membina motivasi. Menurut mereka, perspektif Islam itu merujuk kepada ayat-ayat Al-Quran, hadis Nabi, kisah-kisah Nabi dan Sahabat (generasi Islam pertama yang hidup bersama Nabi Muhammad), serta karya-karya sarjana Islam silam yang menggunakan istilah yang semirip dengan istilah psikologi kontemporari.

Menurut Alizi dan Mohamad Zaki (2005) lagi, jihad yang dilakukan oleh Sahabat adalah antara contoh terbaik bagi motivasi berorientasikan Islam. Prinsip-prinsip motivasi dalam Islam seharusnya boleh membawa individu lebih menghargai keesaan dan kebesaran Allah serta membantu kita untuk menunaikan tanggungjawab sebagai hamba Allah (peranan ibadah), di samping tanggungjawab sebagai khalifah Allah (khilafah peranan) demi meningkatkan keberkesanan dakwah dan pendidikan.

Gagasan model motivasi dalam Islam oleh Alizi dan Mohamad Zaki (2005) adalah mengambil kira teori-teori motivasi moden yang diletakkan dalam kerangka



Islam sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1.3 sekali gus mengiktiraf model dan teori motivasi Barat, sambil meletakkan jiwa sebagai teras kepada motivasi. Berdasarkan model motivasi Islam, Alizi dan Mohamad Zaki (2005) berhujah bahawa ibadah tidak tepat untuk dirujuk kepada motivasi intrinsik yang salah satu daripada sifatnya adalah bermotifkan keseronokan. Pendek kata, terdapat beberapa motivasi dalam kehidupan ini yang hanya dapat dijelaskan daripada perspektif agama, kepercayaan dan kerohanian.



**Rajah 1.3** Model motivasi dari perspektif Islam (Alizi dan Mohamad Zaki, 2005)


Jika Alizi dan Mohamad Zaki (2005) memfokuskan kepada aspek jiwa dalam gagasan motivasi dari perspektif Islam, Alawneh (1998) pula memfokuskan kepada takwa sehingga gagasan beliau wajar diungkapkan sebagai 'Model Motivasi Takwa'. Takwa terbit daripada iman yang disertai dengan amal, manakala iman pula wujud dalam jiwa mukmin. Iman dianggap sebagai pemberi tenaga kepada motivasi. Justeru terdapat hubungan antara kedua-dua penulisan ini. Selain aspek iman, Alawneh (1998) menyifatkan aspek ikhlas juga penting dalam motivasi kerana ganjaran daripada Allah yang diakibatkan oleh sesuatu tingkah laku bermotivasi merujuk kepada sejauh mana tahap keikhlasan dan kemanfaatan kepada orang lain. Ganjaran pahala misalnya dirujuk sebagai aspek '*at-tarhib*' (ganjaran). Sebaliknya wujud pula aspek '*at-tarhib*' (ancaman) sebagaimana termaktub dalam al-Quran dan sunnah. '*At-tarhib*' dan '*at-tarhib*' didapati menjadi pendorong penting dalam konteks motivasi dari perspektif Islam.

#### 1.9.1.4 Model Pembelajaran Arah Diri

Model Pembelajaran Arah Diri (PAD) oleh Garrison (1997) dijadikan model utama dalam kajian ini berbanding model-model Pembelajaran Arah Diri yang lain termasuk oleh Grow (1991) dan Hiemstra (1994). Hanya model PAD Garrison (1997) yang mengambil kira peranan motivasi secara langsung dalam mempengaruhi pembelajaran secara terarah sendiri dalam kalangan orang dewasa. Dalam model ini, terdapat tiga pembolehubah utama iaitu pengurusan sendiri, pemantauan sendiri dan motivasi sendiri, sekali gus merupakan dimensi-dimensi dalam pembelajaran dewasa. Model ini diiktiraf oleh Merriam *et al.* (2007) sebagai model Pembelajaran Arah Diri paling mutakhir yang bersifat multidimensi dan interaktif.

Berdasarkan kepada Rajah 1.4, motivasi merupakan elemen penting yang membawa kepada Pembelajaran Arah Diri menerusi pemboleh ubah pengurusan sendiri dan pemantauan sendiri. Motivasi mempunyai dua peranan utama dalam konteks Pembelajaran Arah Diri. Pertama sebagai pembentuk atau penghasil niat untuk belajar yang tinggi. Kedua, sebagai pelestari kepada niat belajar tersebut agar

pelajar dapat kekal sebagai pelajar yang aktif. Sehubungan itu, motivasi intrinsik memainkan peranan yang penting di sini. Untuk melestarikan motivasi pula, pelajar mesti lestari aktif. SungguhNamun begitu, menurut Garrison, aspek motivasi dalam Pembelajaran Arah Diri memerlukan kajian yang lebih lanjut memandangkan perbincangan mengenainya dalam literatur adalah terhad.



**Rajah 1.4** Model Pembelajaran Arah Diri menurut Garrison (1997)

Menurut Garrison (1997) lagi, memasuki keadaan motivasi itu bermula daripada niat dan ini banyak bergantung kepada valens dan jangkaan atau secara umumnya membabitkan apakah matlamat yang hendak dicapai dalam pembelajaran. Valens (asalnya merupakan istilah dalam bidang kimia) dimaksudkan di sini sebagai tarikan kepada matlamat pembelajaran tertentu. Valens dipengaruhi oleh faktor keperluan peribadi dan keadaan peribadi. Kalau valens membabitkan persoalan ‘apakah harga atau nilai kepada matlamat pembelajaran ini?’, keadaan peribadi pula membabitkan persoalan ‘apakah sikap terhadap diri sendiri dan semua tugas yang sedia ada?’ dan ‘kenapa matlamat pembelajaran ini cukup menarik untuk dicapai?’.

Oleh sebab itu, pelajar mesti jelas tentang kepentingan matlamat yang hendak dicapai dan sebab-sebab untuk meneruskan pembelajaran. Valens seterusnya berkait rapat dengan keadaan afektif yang merangkumi set pembolehubah; sikap terhadap diri sendiri (contohnya, harga diri), tugas (contohnya, kebimbangan), dan keutamaan matlamat. Aspek jangkaan atau kawalan yang dijangka pula dipengaruhi oleh faktor-faktor ciri-ciri peribadi (kompetensi) dan ciri-ciri kontekstual (keadaan luar jangka). Faktor ciri-ciri peribadi (kompetensi) membabitkan persoalan ‘apakah kemahiran, keupayaan dan pengetahuan yang saya ada untuk mencapai matlamat ini?’ manakala faktor ciri-ciri kontekstual (keadaan luar jangka) membabitkan persoalan ‘apakah sumber dan halangan ideologi serta sosioekonomi dalam mencapai matlamat ini?’.


Jangkaan dalam konteks pembelajaran merujuk kepada kepercayaan bahawa matlamat dan hasil pembelajaran dapat dicapai. Ia terdiri daripada ciri-ciri peribadi seperti kemahiran, keupayaan dan pengetahuan tertentu. Selain itu, ia turut *mengambil kira* ciri-ciri kontekstual (luar jangka) seperti ideologi dan sosioekonomi sama ada ia merupakan suatu yang membantu dalam memberikan sokongan.

Merujuk kepada Rajah 1.4, aspek motivasi mempengaruhi aspek pengurusan sendiri. Ia membabitkan isu kawalan terhadap tugas, dan amat berkait rapat dengan penetapan matlamat dan strategi metakognitif, di samping penggunaan sumber-sumber pembelajaran. Namun begitu, ini tidak bermakna pelajar bersifat terencil, sebaliknya wujud kerjasama antara pelajar dengan guru atau fasilitator yang turut memberikan sokongan, hala tuju dan piawai tertentu untuk mencapai kejayaan. Dengan kata lain, pengurusan sendiri difahami sebagai keinginan dan kapasiti untuk mengendalikan pendidikan secara bersendirian.

Selain pengurusan sendiri, motivasi juga mempengaruhi aspek pemantauan sendiri. Aspek pemantauan sendiri dan motivasi tergolong dalam konteks kognitif. Oleh sebab itu, pemantauan sendiri membabitkan aspek proses metakognitif. Selain itu, pemantauan sendiri bersinonim dengan tanggungjawab untuk terus berada dalam suasana belajar dan mencapai matlamat yang ditetapkan dalam pembelajaran.

Tanggungjawab yang dimaksudkan dalam konteks ini adalah tanggungjawab pelajar dewasa dalam membina makna melalui refleksi kritikal dan pengesahan kolaborasi. Selain itu, untuk memastikan bahawa struktur pengetahuan yang baru dan sedia ada bersepadu, memberi makna kepada pelajar dewasa demi memenuhi matlamat pembelajaran. Maka yang demikian, keupayaan kognitif merupakan angkuh teras kepada Pembelajaran Arah Diri. Pemantauan sendiri dapat dikaitkan dengan tiga proses pembelajaran regulasi sendiri oleh Bandura (1986) iaitu (i) pengamatan sendiri, (ii) penilaian sendiri dan tindakbalas sendiri, dan juga 14 strategi pembelajaran regulasi sendiri oleh Zimmerman (1989). Justeru itu, Wlodkowski (2008) menyifatkan model Garrison sebagai bertindan dengan teori regulasi sendiri, dari perspektif teori, iaitu memiliki aspek-aspek pengurusan sendiri, pemantauan sendiri dan motivasi sendiri di samping banyak menggunakan proses metakognitif.

**1.9.2 Kerangka Konseptual Kajian**



**Rajah 1.5** Kerangka konseptual kajian

Berdasarkan Rajah 1.5 di atas, pelajar dewasa yang terlibat dalam pembelajaran dewasa mempunyai konteks tertentu termasuklah tujuan yang bercampur-campur untuk memula dan menamatkan pembelajaran, sama ada dipengaruhi oleh konteks dalam diri pelajar dewasa berkenaan mahupun oleh konteks dari luar seperti arahan dan peraturan. Hal ini pernah dijelaskan oleh Jarvis (2012), Chan (2010), dan Merriam *et al.* (2007). Motivasi telah ditunjukkan memainkan peranan yang penting dalam PAD dan pembelajaran dewasa (Garrison, 1997; Knowles, 1984; Merriam dan Caffarella, 1999; Lieb, 1991). Aspek motivasi antara lain secara umumnya dapat dibahagikan kepada motivasi intrinsik dan ekstrinsik (Deci & Ryan, 2008), namun wujud satu lagi cabang motivasi yang diistilahkan sebagai 'motivasi metafizik' bahawa wujud motivasi yang disebabkan oleh jangkaan bersifat metafizik berdasarkan apa yang terkandung dalam agama (Dowson, 2005).

Dari perspektif Islam, motivasi adalah berteraskan kepada kejiwaan dan keimanan perlu kerana Allah (Alizi dan Mohamad Zaki, 2005; Alawneh, 1998; Malik 1979; Wan Mohd Nor, 1983). Alizi dan Mohamad Zaki (2005) secara spesifik menjelaskan bahawa motivasi keagamaan berbeza dengan motivasi intrinsik. Alizi dan Mohamad Zaki (2005) berpendapat motivasi intrinsik tidak dapat menjelaskan tingkah laku yang dilakukan dalam konteks ibadah. Namun begitu, pendapat ini tidak diiringi kajian empirikal, lantas suatu kajian empirikal perlu dijalankan bagi menyokong pandangan ini khususnya dalam konteks PAD dan pembelajaran dewasa. Akhirnya, suatu teori *grounded* mahu dibentuk bagi menjelaskan peranan motivasi keagamaan dalam pembelajaran dewasa, termasuklah untuk menjelaskan bagaimana motivasi keagamaan dapat dibina dan dilestarikan oleh pelajar-pelajar dewasa yang beragama Islam.

## 1.10 Definisi Konsep dan Operasional

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai kajian yang dilaksanakan, beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini perlu diperjelaskan secara konseptual dan operasional.

### 1.10.1 Pembelajaran dewasa

Pembelajaran dewasa adalah aktiviti pembelajaran yang dikhususkan kepada orang dewasa, yakni yang berusia 18 tahun mengikut kalendar Gregory (Jabatan Peguam Negara, 2006) dan Knowles mengategorikan pelajar dewasa memiliki ciri-ciri seperti (lihat Merriam *et al.*, 2007; Taylor dan Kroth, 2009):

- i. Lebih bersifat sendiri,
- ii. mempunyai pelbagai pengalaman,
- iii. lebih bersedia untuk belajar terhadap sesuatu masalah yang ditanganinya juga terhadap sesuatu yang relevan dengannya,
- iv. pembelajaran lebih berpusatkan kepada diri sendiri sebagai pelajar,
- v. lebih termotivasi untuk belajar, dan
- vi. perlu tahu mengapa mereka perlu belajar atau dengan kata lain apakah tujuan mereka belajar.

Dalam kajian ini, pembelajaran dewasa merujuk kepada aktiviti pengajian dan pembelajaran pada peringkat ijazah kedoktoran yang dianggap lebih bersifat sendiri (berbanding pada peringkat ijazah pertama dan lain-lain bentuk pembelajaran dewasa), pelajar yang mempunyai pelbagai pengalaman, lebih bersedia untuk belajar, pembelajaran lebih berpusatkan kepada diri sendiri dan pelajar lebih termotivasi untuk belajar di samping tahu tentang tujuan belajar. Ijazah kedoktoran pula merangkumi ijazah Ph.D. (doktor falsafah), Eng.D. atau yang setara dengannya (Noble, 1994).



### 1.10.2 Pembelajaran Arah Diri

Abdullah (2001) merumuskan konsep Pembelajaran Arah Diri berdasarkan kepada 13 definisi Pembelajaran Arah Diri sebagaimana berikut:

- i. Pelajar adalah bertanggungjawab untuk proses pembelajaran mereka sendiri.
- ii. Pelajar berkeupayaan mengurus dan memantau pembelajarannya secara sendiri.
- iii. Pelajar bekerjasama dengan guru dan rakan sebaya.
- iv. Pelajar berupaya membangunkan pengetahuan khusus dan keupayaan untuk memindahkan pengetahuan itu kepada situasi baru.
- v. Motivasi dan kerelaan adalah penting dalam memulakan dan mengekalkan usaha pelajar dalam pembelajaran.

Dalam kajian ini, Pembelajaran Arah Diri merujuk kepada pelajar pada peringkat ijazah kedoktoran yang dianggap bertanggungjawab untuk proses pembelajaran mereka sendiri, berkeupayaan mengurus dan memantau pembelajarannya secara sendiri, dapat bekerjasama dengan penyelia dan rakan sebaya, berupaya membangunkan pengetahuan khusus dan keupayaan untuk memindahkan pengetahuan itu kepada situasi baru serta bermotivasi dan dapat mengekalkan motivasi dalam pembelajaran.

### 1.10.3 Motivasi

Motivasi atau dorongan umumnya bermaksud keinginan untuk melakukan sesuatu (Pritchard dan Roberts, 2006). Ia bersifat dalaman dan dapat ‘memberikan tenaga’ (Huitt, 2001) untuk sesuatu tingkahlaku. Menurut Ghauri (2011), motivasi pada asasnya bermaksud untuk memperkukuh dan mengukuhkan sistem kepercayaan beriman. Justeru dalam kajian ini, motivasi merujuk kepada dorongan untuk belajar dan terus belajar pada peringkat ijazah kedoktoran, dan dalam kalangan muslim, pembelajaran perlu merupakan suatu bentuk ibadah.

#### 1.10.4 Motivasi Keagamaan

Motivasi keagamaan merujuk kepada motivasi metafizik yang mengharapkan jangkauan dan nilai sebagaimana yang wujud dalam agama (Dowson, 2005). Bagaimanapun, dalam kajian ia mengkhusus kepada kehendak agama Islam. Oleh itu, motivasi keagamaan termasuk dorongan untuk mencapai pelbagai ganjaran seperti yang dinyatakan dalam al-Quran dan as-Sunnah (Ad-Dimasyqi, 1979; Muhammad ‘Ustman Najat, 2008). Yang demikian, motivasi dalam kajian ini merujuk kepada dorongan keagamaan untuk menamatkan pengajian ijazah kedoktoran, dan ia dibahagikan kepada tanggungjawab dan ganjaran berdasarkan kepada perspektif Islam oleh Model Motivasi Islam (Alizi dan Mohamad Zaki, 2005) serta konsep pembelajaran sebagai suatu bentuk ibadah (Al-Qardhawi, 1988; Nooraini, 2011; Wan Mohd Nor, 1983; Kasule, 2008). Motivasi ini hakikatnya dipengaruhi oleh iman (Shafiq Falah, 1994) atau boleh diwakili oleh psiko-spiritual yang dipengaruhi oleh iman dan amal salih (Nooraini, 2011). Dalam kajian ini, motivasi keagamaan adalah suatu bentuk dorongan di atas dasar agama Islam yang dipercayai mempunyai peranan tertentu dalam pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran.

#### 1.10.5 Ibadah

Ibadah bermaksud pengabdian diri kepada Allah. Setiap tingkah laku mencapai status ibadah apabila menepati syarat umum ibadah iaitu ikhlas kerana Allah dan menepati syariat Islam (al-Qardhawi, 1988). Al-Qardhawi (1988) mencirikan lagi syarat ibadah kepada butiran seperti berikut:

- i. bersesuaian dengan hukum Islam,
- ii. dilakukan dengan niat kerana Allah,
- iii. dilakukan dengan sebaik mungkin,
- iv. sentiasa menepati hukum Islam sewaktu melakukannya, dan
- v. tidak mencuaikan ibadah-ibadah khusus seperti solat dan zakat.

Sehubungan itu, proses Pembelajaran Arah Diri dapat dianggap sebagai ibadah dalam Islam apabila dicirikan oleh perkara-perkara seperti berikut:

- i. bersesuaian dengan hukum Islam, seperti pengajian bukanlah berkenaan tentang formula mahu merosakkan umat Islam,
- ii. niat untuk mendapatkan ijazah kedoktoran adalah kerana Allah,
- iii. dilakukan dengan sebaik mungkin untuk menamatkan pengajian dengan jayanya,
- iv. proses pengajian yang menepati kehendak Islam seperti tidak menipu data kajian dan menghormati penyelia, dan
- v. tidak mencuaikan ibadah khusus seperti tidak meninggalkan solat lima waktu.

#### 1.10.6 Iman dan Takwa

Iman sebagaimana berdasarkan hadis yang direkodkan oleh Imam Muslim adalah percaya atau membenarkan Allah, para malaikat, kitab-kitab, para rasul-Nya, Hari Kiamat serta takdir yang baik dan buruk. Dalam konteks motivasi, iman adalah asas yang menjadi daya penggerak kepada semua bentuk motivasi keagamaan, melalui cara pengaktifan tingkah laku, pelestarian tingkah laku, pemantauan tingkah laku dan penyucian tingkah laku daripada sebarang bentuk kenodaan (Alawneh, 1998). Menurut Alawneh (1998) lagi, iman tidak boleh sekadar diikrar atau diucapkan di lidah, namun ia perlu dibuktikan dalam bentuk amalan sehingga iman dapat membentuk peribadi mukmin. Keberkesanan motivasi iman diakibatkan oleh peranan tiga 't' iaitu takwa, *tahrid* (ransangan semangat) dan taubat. Takwa dirumuskan oleh Alawneh (1998) sebagai takutkan Allah dan meninggalkan semua apa yang dilarang Allah serta patuh kepada semua perintah Allah. Tingkah laku yang didorong oleh motivasi takwa dapat menghasilkan ketenangan dalam jiwa.

## **1.11 Kesimpulan**

Bab ini telah menjelaskan tentang justifikasi untuk menjalankan kajian terhadap peranan agama dalam Pembelajaran Arah Diri. Selain itu, bab ini turut menjelaskan perbezaan antara perspektif Islam dengan Barat moden dalam aspek pembelajaran, motivasi, serta jiwa. Secara lebih khusus, ia memberikan justifikasi kajian ke atas motivasi keagamaan terhadap Pembelajaran Arah Diri dan pembelajaran dewasa atau secara operasionalnya terhadap pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran. Selain itu, bab ini telah menerangkan tentang permasalahan dalam dunia pengajian tinggi khususnya yang berkaitan isu keciciran dalam kalangan pelajar ijazah kedoktoran, masalah pelajar yang kurang memberi perhatian kepada aspek motivasi dan persoalan motivasi dalam kerangka Barat yang tidak menepati kerangka agama, terutama agama Islam. Umumnya, bab ini telah menjelaskan aspek-aspek latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, definisi konsep dan operasional, serta kerangka teori dan kerangka konseptual kajian.

## RUJUKAN

- Abdel-Halim, R.E. & AlKattan, K.M. (2012). 'Introducing medical humanities in the medical curriculum in Saudi Arabia: A pedagogical experiment' dalam *Urol Anna* 2012, 4: 73-79.
- Abdul Fatah Hasan (2006). *Tenaga dan keremajaan minda untuk meningkatkan produktiviti dan potensi diri*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Abdul Hafidz Hj. Omar (2000). 'The Influence of Culture on Muslim Athletes, a Case Study of 1998 Malaysian Commonwealth Games Athletes'. Tesis Ph.D. Faculty of Health, Queensland University of Technology, Australia.
- Abdul Rahman Arshad (2009). *Abdul Rahman Arshad: Kenangan Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul-Lateef Abdullah (2006). 'A Brief Note on the Evolution of Scholarship: From the Classical Period to Today' in [http://theamericanmuslim.org/tam.php/features/articles/a\\_brief\\_note\\_on\\_the\\_evolution\\_of\\_scholarship\\_from\\_the\\_classical\\_period\\_to\\_today](http://theamericanmuslim.org/tam.php/features/articles/a_brief_note_on_the_evolution_of_scholarship_from_the_classical_period_to_today), 6 April 2006. [10 February 2008].
- Abdullah, M. H. (2001). 'Self-Directed Learning' dalam Eric digest di <http://www.ericdigests.org/2002-3/self.htm> [Diakses pada 15 Jun 2011].
- Abdullah ibn Alawi al-Haddad (1989). *Knowledge and Wisdom*. Chicago: The Starlach Press.
- Adanan Mat Junoh (2006). 'Atribut Pembelajaran Non-Formal dalam kalangan Orang Melayu Dewasa di Malaysia'. Tesis Ph.D. Universiti Putra Malaysia.
- Adanan Mat Junoh & Mohd. Azhar Abd. Hamid (2007). 'Pembinaan Modal Insandan Modal Intelek: Peranan, Strategi dan Cabaran Kepimpinan Strategik' dalam *Prosiding Kolokium Kepimpinan Politeknik*, Seremban (16 November 2007).
- Adlan Abd. Aziz (2006). *20 Persoalan Asas tentang Hadis*. Johor Bahru: Jahabersa.
- Ainley, M. (2004). 'What do we know about student motivation and engagement'. Kertas kerja dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Australian Association for Research in Education, Melbourne (November 2004)
- Akhtar, Shabbar (2008). *The Quran and the Secular Mind*. London: Routledge.
- Ali Abdul Halim Mahmud (2007). *Syarah Usul 20* (Pent. Ahmad Hasan Mohd. Nazam & Mohd Nizam Mohd Ali). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Alawneh, S.F. (1998). 'Human Motivation: An Islamic Perspective' dalam *The American Journal of Islamic Social Science*, 15(4): 19-39.
- Aldrich, R. (1982). *An Introduction to the History of Education*. London: Hodder & Stoughton.
- Ali, A. & Kohun, F. (2006). 'Dealing with isolation feelings in IS doctoral programs' dalam *International Journal of Doctoral Studies*, 1: 21-33 di <http://www.ijds.org/Volume1/IJDSv1p021-033Ali13.pdf> [Diakses pada 1 April 2012].

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1980). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Faruqi, I. R. (1982). *Islamization of Knowledge*. Herndon: IIIT.
- Al-Faruqi, I. R. & al-Faruqi, L. L. (1986). *The Cultural Atlas of Islam*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Al-Qaradawi, Y. (1995). *Islamic Awakening Between Rejection and Extremism*. Herndon: International Institute of Islamic Thought.
- Al-Qardhawi, Y. (1988). *Ibadah dalam Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan FS.
- Al-Qardhawi (1999). *Pertentangan Islam dan Sekular*. Bangi: Maktabah Al-Qardhawi.
- Al-Qardhawi, Y. (2010). *Fiqih Jihad* (Pent. Irfan Maulana Hakim dan lain-lain). Bandung: Mizan.
- Al-Sharjabi dan Hamad (1995). 'Islamic Educational Thought: A Comparative Study of al-Zarnuji's and al-Shawkani's Learning Model' dalam *Proceeding The Fifth International Conference of Islamic Education*.
- Alias Baba (1997). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit UKM.
- Alizi Alias and Mohamad Zaki Samsudin (2005). 'Psychology of Motivation from an Islamic Perspective' dalam *Proceeding of 3rd International Seminar on Learning and Motivation*, Langkawi (10-12 September 2005).
- Allan, P. dan Dory, J. (2001). 'Understanding Doctoral Program Attrition: An Empirical Study' dalam (2001). Faculty Working Papers. Paper 17. [http://digitalcommons.pace.edu/lubinfaculty\\_workingpapers/17](http://digitalcommons.pace.edu/lubinfaculty_workingpapers/17) [Diakses pada 15 April 2011].
- Altbach, P.G. (1998). *Comparative higher education: Knowledge, the university, and development*. Westport: Greenwood Publishing Group.
- Amabile, T. M. (1983) *The Social Psychology of Creativity*. New York: Springer-Verlag.
- Amir Awang (1986). *Teori-teori Pembelajaran*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Amresh Gunasingham (2010). 'A Ph.D. holder now a taxi driver' dalam *The Temasek Review* 17 Ogos 2010, <http://www.temasekreview.com/2009/08/19/Ph.D.-holder-now-a-taxi-driver/>. [Diakses pada 7 Disember 2010].
- Ariffin Samsuri & Zainai Mohamed (2001). 'Ke arah mewujudkan sebuah Universiti Penyelidikan – Satu cabaran' dalam Prosiding Persidangan Kebangsaan P&P IPTA 2001, 25-26 Oktober 2001, anjuran bersama UKM, KPM dan KPT. Bangi: UKM.
